



Penggunaan Implikatur Sebagai Medium Penjelasan Akidah

Raja Shaharudin Raja Mohamad & Zaitul Azma Zainon Hamzah

rajashaharudin@yahoo.com, zaitulazma@yahoo.com.

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia

Abstrak

Implikatur ditakrifkan sebagai suatu bentuk pentafsiran makna yang melangkaui makna tersurat dalam sesebuah ayat. Penggunaan implikatur dalam komunikasi bertujuan untuk melahirkan hasrat hati penutur kepada pendengar yang diujarkan dalam bentuk yang berbeza dari makna sebenar. Kajian ini bertujuan untuk menjelaskan penggunaan implikatur sebagai medium penjelasan akidah dalam ceramah agama dan menerimanya sebagai pegangan dalam hidup. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan menganalisis teks dan pemerhatian di lapangan. Data yang diperoleh daripada beberapa siri ceramah agama oleh pendakwah bebas di beberapa lokasi kajian dianalisis menggunakan teori Grice (1975) dan teori Relevan (Sperber & Wilson, 1986, 1995). Dapatan kajian menunjukkan bahawa penggunaan implikatur sebagai medium penjelasan akidah dalam ceramah agama adalah sangat berkesan. Hal ini kerana dalam menjelaskan sesuatu perkara yang sukar difahami khususnya berkaitan dengan akidah memerlukan penjelasan secara mendalam dan terperinci. Kajian ini juga mendapati penggunaan implikatur boleh memberi kesan mendalam terhadap kepercayaan kepada Allah, iaitu audiens dapat memahami perkara abstrak yang disampaikan oleh penceramah. Kesimpulannya, penggunaan implikatur sebagai medium penjelasan akidah dapat memberi kefahaman optima kepada audiens seterusnya dapat melaksanakan kewajipan kepada Allah dengan ikhlas.

Kata kunci: pragmatik, implikatur, ceramah agama, akidah

Abstract

Implicatures is defined as a form of interpretation of meaning beyond the meaning of a verse written in. Use implicatures in communication aims to produce a passionate heart of speakers to the listener uttered in different forms of real meaning. This study aimed to describe the use of implicatures as the medium of faith in religious lectures explanation and accept it as a handle in life. This study used qualitative methods to analyze the text and field observations. Data obtained from a series of lectures by independent preacher in several locations of the study was analyze using Grice's theory (1975) and Relevance Theory (Sperber & Wilson, 1986, 1995). The findings show that the use of implicatures as the medium of faith in religious lectures explanation is very efficient. This is because in explaining things hard to be understood, especially with regard to creed requires in-depth and detailed explanations. The study also found that the use of implicatures can have a profound impact on trust in God, that the audience can understand abstract presented by the speaker. In short, the use of implicatures as medium contention explanation can give to an audience beyond comprehension optima can perform his duties to Allah with sincere.

Keywords: pragmatics, implicatures, talks religion, faith

1. Pengenalan

Implikatur dikenali sebagai ilmu yang membincangkan makna yang terselindung dalam ujaran lisan ataupun tulisan. Implikatur juga merupakan cabang ilmu bahasa (linguistik) dalam bidang pragmatik. Grice (1975) merupakan pelopor dalam memperkenalkan konsep implikatur ini. Konsep implikatur adalah bertujuan untuk memecahkan persoalan makna bahasa yang tidak dapat diselesaikan menggunakan teori semantik biasa. Implikatur juga merupakan ilmu yang mengkaji pertuturan dalam konteks serta makna. Seterusnya implikatur boleh difahami sebagai satu bentuk ilmu pentafsiran makna yang melewati makna literal sesebuah ayat.

Ahli linguistik yang membahaskan tentang implikatur ialah Gazdar (1978), Levinson (1983,1987,2000), Horn (1984, 1989,1992,2000,2004,2005), Brown dan Yule (1983), Carston (1988) dan Atlas (2005) manakala sarjana tempatan yang membahaskan tentang implikatur seperti Asmah Hj. Omar (1992), Nor Hashimah Jalaluddin (1992,1993), Tan Mek Leng (1994) Farsiah Hj. Marzali (1998), Maimunah Ibrahim (1999), Ramlee Hamad (1999), Mustafa Atan (2010), Hussin Sarif (2010) dan Saripah Nur Mursalina Syed Azmi (2012). Kesemua ahli linguistik berpandangan bahawa implikatur digunakan untuk menentukan makna yang disarankan atau apa-apa yang dimaksudkan oleh penutur sebagai sesuatu yang berbeza dari apa-apa yang dinyatakan secara harfiah.

Sarjana linguistik kebanyakannya memberi tumpuan kepada kajian implikatur dalam komunikasi perbualan yang melibatkan dua pihak. Kecenderungan ini timbul kerana implikatur dalam perbualan mudah untuk dikesan terutamanya semasa berlakunya sesuatu dialog antara dua pihak penutur dan pendengar, sedangkan implikatur sebenarnya berlaku bukan hanya dalam dialog sahaja, sebaliknya implikatur juga boleh wujud dalam ucapan sehalah seperti ceramah, pidato dan sebagainya, begitu juga implikatur boleh wujud dalam bentuk penulisan. Justeru, dalam kajian ini, pengkaji memberi fokus kepada implikatur yang digunakan oleh penceramah agama ketika memberikan penjelasan tentang akidah. Hal ini sekali gus memperlihatkan implikatur yang berlaku dalam komunikasi sehalah. Penceramah menggunakan implikatur dalam memberikan penjelasan tentang isu agama yang sukar untuk difahami kerana isu agama sedemikian melibatkan penjelasan terhadap sesuatu kepercayaan yang tidak pernah dilalui oleh pengalaman manusia dan tidak boleh diberikan penilaian secara saintifik. Sehubungan dengan itu, penelitian tentang implikatur dalam ceramah agama hanya boleh dianalisis dari aspek ucapan penceramah yang terbabit sahaja dan tidak melibatkan kedua-dua pihak, iaitu penutur dan pendengar.

Oleh itu, implikatur yang dikesan dari ceramah agama meliputi penjelasan tentang ujaran-ujaran yang mengandungi mesej terselindung, mesej tidak langsung, mesej tersirat, mesej tidak harfiah, mesej secara implisit, cakap berlapik, cakap berkias dan beberapa ungkapan yang merujuk kepada mesej yang menyentuh akidah yang tidak disampaikan secara langsung.

2. Kajian Lepas

Kajian berkaitan implikatur meliputi pelbagai sudut, persepsi dan dimensi ilmu. Namun begitu, skala perbincangan mereka tidak lari daripada garis makna yang sama dalam memberi pandangan tentang implikatur tersebut. Implikatur telah disimpulkan oleh kebanyakan sarjana linguistik sebagai makna yang memberi mesej terselindung, mesej tak langsung, mesej tersirat, mesej tak harfiah, mesej secara implisit, cakap berlapik, cakap berkias dan sebagainya. Kajian-kajian lepas telah membuka ruang yang begitu luas kepada pengkaji seterusnya untuk meneroka dengan lebih jauh lagi dalam bidang yang berkait dengan implikatur. Hal ini demikian kerana semakin banyak ilmu tentang implikatur diteroka maka semakin banyak pula kelompangan yang disedari oleh pengkaji seterusnya. Sehubungan dengan itu, pengkaji ingin menyorot beberapa kajian lepas tentang implikatur dan sedikit sorotan tentang ceramah dakwah yang dilakukan oleh pengkaji tempatan dan luar negara tentang ilmu yang sedang berkembang ini.

Kajian dalam bidang pragmatik yang membincangkan tentang implikatur telah dilakukan oleh beberapa pengkaji tempatan seperti Nor Hashimah Hj. Jalaluddin (1992) beliau telah membuat kajian tentang implikatur dalam bidang perniagaan (jual beli). Hasil kajian beliau mendapati semasa proses tawar-menawar berlaku, terdapat banyak implikatur digunakan antara penjual dan pembeli. Penjual dan pembeli menggunakan mesej implikatur yang disampaikan secara tersirat agar tidak tersinggung antara kedua-dua belah pihak. Oleh yang demikian kajian Nor Hashimah berjaya memperlihatkan masyarakat Melayu menggunakan implikatur untuk menjaga adab kesopanan dalam urusan harian mereka.

Seterusnya kajian yang dilakukan oleh Maimunah Ibrahim (1999) beliau menjalankan kajian mengenai implikatur dalam iklan. Beliau telah mendapati banyak iklan menggunakan implikatur dalam penggunaan bahasanya. Maimunah telah mengkategorikan ayat-ayat yang digunakan dalam iklan kepada empat kategori iaitu ayat penyata, ayat interogatif, ayat seruan dan ayat figuratif. Ayat penyata ialah ayat yang diucapkan dengan maksud untuk membuat satu pernyataan iaitu memberi keterangan tentang sesuatu hal. Contoh ayat keterangan dalam iklan ialah 'barang suci kekal abadi'. Ayat penyata ini menunjukkan penggunaan implikatur yang membawa maksud tersirat untuk memberi kepercayaan kepada penggunaannya. Ayat interogatif pula bermaksud ayat yang digunakan untuk menanyakan sesuatu hal. Menurut Maimunah peraturan ayat ini jarang digunakan dalam iklan kerana pengguna sukar memahami implikatur yang hendak dimaksudkan oleh iklan tersebut. contoh ayat interogatif ialah 'dulu atuk bawa ayah tak?' iaitu iklan dari restoran makanan segera. Seterusnya Ayat seruan. Implikatur kata seruan ialah bentuk kata yang berfungsi melahirkan pelbagai perasaan dan digunakan dalam ayat seruan. Contoh 'Amboi..! warna baju bukan main berseri..' kata seruan selalu menjadi bahan tambahan atau ujaran yang spontan. Ayat figuratif pula ialah ayat yang memasukkan unsur-unsur kiasan, perumpamaan, bidalan, metafora, ironi dan sebagainya. Contohnya ialah 'rambut adalah mahkota wanita' dari pemahaman biasa rambut itu terletak di atas kepala iaitu tempat yang tinggi seperti mahkota. tapi dari maksud implikatur yang hendak disampaikan oleh iklan ialah menggunakan sesuatu yang terbaik untuk menjaga rambut tersebut iaitu dengan membeli syampu jenamanya.

Manakala kajian implikatur oleh Ramlee Hamad pada (1999) pula menggunakan Teori Perbualan Grice yang diaplikasikan dalam konteks masyarakat Arab yang bertutur menggunakan bahasa Arab. Hasil kajian beliau mendapati wujud kerjasama secara langsung dari penutur dan pendengar dalam masyarakat Arab ketika bertutur. Begitu juga dengan kajian yang dibuat oleh Tan Mek Leng (1994) berkenaan dengan implikatur yang bertajuk "Implikatur Perbualan: Satu Analisis Terhadap Konsep kerjasama di Dalam Pertuturan". Kajian beliau mempunyai persamaan dengan kajian yang dijalankan oleh Ramlee Hamad yang membincangkan berkenaan dengan Teori Kerjasama Grice. Walau bagaimanapun, Tan Mek Leng membincangkan pengaplikasian Teori Kerjasama dalam konteks masyarakat Melayu di Malaysia. beliau cuba menjawab persoalan, iaitu mengapakah wujudnya kerjasama dalam sesuatu perbualan? Jawapan persoalan ini diperoleh dengan meneliti pendapat ahli-ahli linguistik mengenai fenomena pertuturan. Melalui data yang dianalisis, beliau mendapati tidak semua prinsip dalam Teori Grice sesuai dengan konteks masyarakat tempatan. Cara pertuturan yang dianggap bekerjasama kadangkala sering tidak mematuhi maksim-maksim yang diperkenalkan oleh Grice.

Anita Abdul Rani (2002) telah melakukan satu kajian tentang ceramah dalam disertasi sarjananya yang bertajuk "Ceramah Dakwah: Kajian Tentang Faktor Tarikannya di Kuantan". Dalam kajian tersebut beliau telah memilih empat orang penceramah yang terkenal di daerah Kuantan untuk dijadikan sebagai subjek kajian, pemilihan tersebut berdasarkan beberapa kriteria yang ditetapkan. Kajian tentang ceramah dakwah ini memberi fokus kepada mengkaji method dan uslub ceramah yang berkesan. mengikut Anita, kajian ini amat penting kepada para pendakwah dan audiens kerana ia akan memberi satu input yang amat baik kepada pendakwah di dalam melaksanakan dakwah yang berkesan. Dakwah yang menarik ialah dakwah yang mempunyai method dan uslub yang menarik juga. Asas penting ini dapat menambat hati audiens di dalam mendengar ceramah. Berdakwah bukan sahaja memberi maklumat tetapi juga untuk memberi kefahaman yang mendalam untuk diamalkan oleh pengikutnya.

Dapatan kajian ceramah dakwah ini merumuskan bahawa tarikan sesebuah ceramah dakwah bergantung kepada tiga komponen iaitu penceramah dakwah yang baik, gaya persembahan dan gaya bahasanya, ketiga-tiganya amat penting bagi memastikan ceramah dakwah itu menarik dan yang lebih diharapkan ialah ia mampu memberi kesan kepada mad'u. Kesungguhan Anita Abdul Rani (2002) membuat kajian tentang ceramah dakwah boleh memberi kesan yang baik kepada aktiviti dakwah di negara kita, namun masih banyak kelompangan yang perlu dibuat kajian untuk memantapkan lagi keberkesanan ceramah yang dianggap sebagai medium utama untuk berdakwah dan menyampaikan maklumat. Walaupun dalam kajian Anita Abdul Rani merumuskan tiga komponen yang menentukan tarikan kepada sesebuah ceramah, namun beliau tidak menyentuh tentang faktor konteks audiens, isu dan persekitaran yang juga merupakan faktor besar yang perlu dititik beratkan oleh seseorang penceramah.

3. Metodologi

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif sepenuhnya. Menurut Punch (2001), pemilihan reka bentuk penyelidikan kualitatif biasanya dilakukan dengan berlatar belakangkan persekitaran semula jadi tanpa sebarang manipulasi ke atas pemboleh ubah yang diselidik. Menurut Piaget (1995), kaedah kualitatif terbahagi kepada tiga bahagian utama iaitu subjek; orang yang mengambil bahagian atau peserta (informan) yang dijadikan bahan kajian; instrumen iaitu

peralatan yang digunakan dalam kajian dan cara penilaian atau pengukuran termasuklah prosedur kajian dijalankan. Teori Grice (1975) dan Teori Relevans oleh Sperber dan Wilson (1986,1995) telah dijadikan sebagai kerangka kajian. Pengkaji telah mengambil lima ceramah agama sebagai sampel dalam kajian ini dengan menghadiri dan merakam sendiri siri ceramah agama tersebut. Melalui kaedah ini, penghayatan keberkesanan ceramah oleh penutur lebih realistik, dapat menyaksikan fenomena yang berlaku di lokasi ceramah serta sambutan oleh audiens yang begitu ramai. Setelah dirakam, ceramah-ceramah ini di pindahkan ke dalam bentuk data bertulis kemudian diasingkan mengikut tarikh rakaman. Ceramah yang telah ditranskrip seboleh mungkin mengekalkan penggunaan dialek dalam ucapan penutur kerana unsur ini banyak menimbulkan humor di kalangan khalayak.

Seterusnya kajian kepustakaan telah digunakan untuk meneliti kajian-kajian dalam bidang implikatur. Kajian kepustakaan dilakukan dengan merujuk kepada bahan-bahan bertulis, pita rakaman, video dan seumpamanya yang telah dilakukan oleh orang lain (Wan Abdul kadir, 2003). Melalui kaedah ini juga, pengkaji dapat melihat dengan lebih mendalam berkenaan kajian yang dijalankan di samping memperbanyakkan bahan bacaan untuk diteliti sesuai dengan bidang penyelidikan. Oleh itu, pengkaji telah mengutip bahan-bahan sekunder. Bahan sekunder merupakan bahan-bahan yang berasaskan kepada tulisan atau kajian yang telah dilakukan oleh pengkaji lain (Wan Abdul Kadir, 2003). Dalam hal ini, pengkaji telah mencari bahan sekunder yang berkaitan dengan bidang kajian, iaitu pragmatik dalam aspek implikatur. pengkaji akan mengunjungi pelbagai perpustakaan untuk merujuk tesis, buku, jurnal dan bahan ilmiah yang lain.

Selain itu, kajian ini juga menggunakan kaedah pemerhatian dan kaedah rakaman sebagai instrumen untuk melihat implikatur dalam ceramah. Menurut Hancock (1988) pemerhatian membolehkan pengkaji melihat situasi secara menyeluruh dalam konteks penyelidikannya. Menurut Sulaiman Shamsuri (2004), data kualitatif adalah merujuk kepada sebarang maklumat yang diperoleh daripada aktiviti penyelidikan. Maklumat ini boleh dijadikan dalam bentuk esei, perenggan, ayat atau frasa. Data kualitatif boleh diperoleh melalui pemerhatian, perbincangan dan surat atau diari.

4. Analisis dan Perbincangan

Bahagian ini menjelaskan tentang penggunaan implikatur dalam ceramah sebagai medium penjelasan akidah. Dalam kajian ini, pengkaji akan memberi fokus kepada implikatur dalam ceramah agama yang mampu menjadi medium kepada penjelasan akidah. Sehubungan dengan itu beberapa data dianalisis untuk menghuraikan peranan implikatur sebagai penjelasan kepada makna sebenar yang ingin disampaikan oleh penceramah.

Penjelasan Akidah

Penjelasan akidah yang dimaksudkan dalam kajian ini ialah ungkapan penceramah yang mempunyai unsur implikatur dalam menjelaskan perkara yang berkaitan dengan akidah atau kepercayaan kepada Allah. Akidah merupakan konsep asas kepercayaan kepada ketuhanan. Ianya mesti wujud di dalam diri setiap individu yang mengaku beragama Islam. Ceramah agama adalah medium terbaik untuk menyemai dan menanam konsep kepercayaan penganutnya kepada Allah. Dapatan kajian ini telah memperlihatkan penceramah banyak menggunakan implikatur dalam usaha untuk meyakinkan pendengar supaya beriman kepada Allah.

Dalam lima ceramah yang dikaji, terdapat sebanyak 69 implikatur yang membincangkan tentang akidah, ceramah tiga merupakan ceramah yang paling banyak mengandungi ungkapan implikatur yang menyentuh kepada akidah, iaitu sebanyak 20 implikatur. Manakala kekerapan ini diikuti oleh ceramah dua iaitu sebanyak 19 implikatur. Selain daripada itu ceramah empat juga mengandungi implikatur yang tinggi iaitu sebanyak 15 implikatur. Seterusnya ceramah yang paling sedikit mengandungi implikatur yang menyentuh kepada akidah ialah ceramah lima iaitu merangkumi empat implikatur perbualan sahaja. Berikut adalah jadual yang menunjukkan kandungan implikatur yang menyentuh tentang penjelasan akidah yang terdapat dalam lima ceramah yang dikaji.

Jadual 1 Implikatur perbualan dalam penjelasan akidah

Ceramah	Implikatur Perbualan
1	11
2	19
3	20
4	15
5	4
Jumlah	69

Dalam menjelaskan perkara yang berkaitan dengan akidah, penceramah banyak menggunakan implikatur perbualan dalam ceramahnya. Hal ini bertujuan untuk menguatkan keyakinan pendengar tentang akidah. Beberapa data akan dipersembahkan sebagai contoh dalam artikel ini daripada 69 implikatur yang membincangkan tentang akidah, berikut adalah ujaran implikatur yang menjelaskan akidah:

..mengaku islam, mahu masuk syurga, tapi lawan hukum islam.. syurga mana nak buka pintu pada kamu? kamu ingat syurga ini macam stesen bas ke? semua orang boleh pergi.. kamu ingat syurga ni macam hotel?.. rumah tumpangan? bayar RM30 boleh tidur?.. mesti ada tiket.. faham?..

(Sumber: Ceramah1.Data10)

Dalam data ini, implikatur perbualan dapat dikenal pasti berdasarkan konteks, kesan konteks dan kos memproses seperti yang digariskan oleh Sperber & Wilson (1986) dalam Teori Relevans. Implikatur perbualan adalah implikasi pragmatik yang tersirat di dalam sesuatu perbualan yang tidak boleh difahami secara umum, ianya memerlukan penutur dan pendengar berada dalam satu konteks yang sama. Perbezaan konteks menyebabkan percakapan menjadi sia-sia.

Berdasarkan data tersebut, konteks yang perlu difahami bersama antara audiens dan penceramah ialah 'keimanan', walaupun secara literalnya perkataan 'keimanan' tidak disebut secara langsung oleh penceramah, namun berdasarkan kepada implikatur yang dibawa oleh penceramah, audiens telah memahami maksud yang hendak disampaikan. Hal ini dapat diperjelaskan berdasarkan konteks 'kepercayaan agama terhadap pemikiran penutur'. Mengikut Teori Relevans oleh Sperber dan Wilson (1986) "Konteks ialah sekelompok andaian yang dibina secara psikologi oleh pendengar ianya melibatkan masa depan, hipotesis, saintifik atau kepercayaan agama terhadap pemikiran si penutur".

Untuk menentukan konteks, audiens perlu melihat kepada ujaran yang terdahulu sama ada ianya bersesuaian atau tidak dengan apa yang diperkatakan, begitu juga dengan persekitaran dan suasana yang berlaku ketika itu, ianya memainkan peranan penting terhadap sesuatu isu yang diperkatakan. Ungkapan "...kamu ingat syurga ni macam hotel?.. rumah tumpangan? bayar RM30 boleh tidur?.. mesti ada tiket.. faham?" Ayat ini berbentuk interogatif, penceramah membawa persoalan dengan membandingkan syurga dengan hotel. Hotel merupakan satu tempat yang diketahui umum iaitu tempat penginapan sementara yang dilengkapi dengan pelbagai kemudahan yang indah dan selesa, untuk menginap memerlukan bayaran tertentu mengikut tahap yang disediakan. Begitu juga dengan rumah tumpangan, cuma tarafnya lebih rendah daripada hotel yang juga dikenakan bayaran untuk menginapnya.

Seterusnya penceramah membandingkan syurga dengan stesen bas "kamu ingat syurga ini macam stesen bas ke? semua orang boleh pergi..?". Stesen bas menurut pandangan masyarakat adalah merupakan tempat orang ramai berkumpul untuk menaiki bas ke destinasi masing-masing. Manakala syurga pula sudah difahami oleh audiens berdasarkan kepada pengetahuan sedia ada mereka sama ada melalui bacaan, ceramah-ceramah agama, belajar di sekolah, cerita daripada orang-orang tua dan dari pelbagai maklumat yang lain.

Penceramah membawa implikatur dengan membandingkan syurga dengan hotel dan tempat awam secara sindiran bertujuan untuk memberi kebaikan kepada pendengar. Implikatur yang boleh difahami oleh audiens dengan ungkapan tersebut adalah merujuk kepada sukar dan mahalnya harga untuk memasuki syurga. Untuk memasuki syurga memerlukan syarat-syarat tertentu seperti yang diungkapkan oleh penceramah sebagai memerlukan 'tiket'. Makna tiket mengikut Kamus Dewan Edisi 4 bermaksud kertas atau kad kecil bercetak yang diberikan kepada seseorang untuk menandakan pemegangnya telah membuat bayaran untuk sesuatu perkhidmatan seperti menaiki bas dan menonton wayang. Manakala maksud tiket dari sudut semantik adalah syarat untuk membolehkan seseorang

menggunakan sesuatu perkhidmatan. Namun begitu, implikatur yang dibuat oleh penceramah dengan menggunakan kalimah “tiket” boleh difahami dengan jelas oleh pendengar iaitu mendapat keredaan Allah dengan mematuhi segala perintahNya dan melaksanakan amalan-amalan yang diperintahkan oleh Allah serta menjauhi perkara yang dilarang olehNya.

Manakala kesan konteks pula ialah andaian awal yang ada pada pendengar. Dalam ceramah, pendengar akan menggabung, memperkuat atau menggugurkan konteks yang dikemukakan oleh penceramah berdasarkan andaian awalan yang sedia ada untuk menghasilkan kesan konteks. Ungkapan “mengaku Islam, mahu masuk syurga, tapi lawan hukum Islam.. syurga mana nak buka pintu pada kamu?” telah difahami oleh pendengar dan ia juga merupakan kesan konteks yang menjelaskan perlakuan manusia yang tidak patuh kepada hukum Allah bahkan melawan hukum Allah, tetapi mereka mengaku beragama Islam dan mahu masuk syurga. Ungkapan “syurga mana nak buka pintu pada kamu?” adalah implikatur yang menjelaskan makna yang hendak disampaikan oleh penceramah iaitu untuk mendapat tempat yang baik di akhirat nanti bukanlah sesuatu yang mudah, ianya mestilah melaksanakan segala tanggung jawab seperti yang diperintahkan oleh Allah.

Usaha memproses atau kos memproses ialah kemampuan pendengar untuk memahami sesuatu maklumat yang didengar, semakin rendah usaha memproses maklumat maka semakin relevan sesuatu ujaran itu. Usaha memproses dalam ungkapan ini adalah rendah, ini kerana penceramah menggunakan ungkapan yang mudah difahami walaupun ayatnya berbentuk interogatif, ayat yang digunakan mudah difahami oleh audiens dan maksudnya dinyatakan dengan jelas. Berdasarkan implikatur perbualan yang dibawa oleh penceramah memudahkan lagi pendengar memahami secara mendalam maksud sebenar yang ingin disampaikan.

Kesan Penjelasan Akidah Terhadap Penggunaan Implikatur

Untuk menjelaskan sesuatu isu terutamanya yang berkaitan dengan amalan dan kepercayaan agama kepada masyarakat adalah perkara yang amat sukar. Hal ini kerana akidah atau kepercayaan kepada hari akhirat dan konsep syurga neraka adalah sesuatu yang tidak dapat dicapai secara saintifik. Oleh hal yang demikian, ia merupakan cabaran kepada penceramah untuk menjelaskan perkara yang berkaitan dengan akidah ini. Masyarakat moden yang telah di trend pemikirannya melalui pendidikan yang berkonsepkan saintifik akan menolak sesuatu yang tidak berlandaskan logik akal atau fakta yang tidak dapat diukur melalui pancaindera. Bagi sarjana moden kepercayaan mereka hanya dengan kajian saintifik iaitu dapat dicapai oleh pancaindera seperti dapat dilihat, didengar, dihidu dan disentuh.

Dalam kajian ini, didapati penggunaan ujaran yang dibuat secara tidak langsung dan penggunaan reka dialog untuk menjelaskan sesuatu isu yang berkaitan dengan akidah amat memberi kesan kepada audiens, hal ini dapat dibuktikan dengan pemerhatian semasa ceramah tersebut diadakan. Audiens memberi respon yang baik seperti ketawa, takbir dan tersenyum apabila penceramah mengujarkan ayat yang mempunyai makna yang berbeza dengan maksudnya seperti contoh:

Penceramah: ..kita walaupun rambut terpacak.. bila jatuh cicak atas kepala, cicak boleh terus mati.. tapi, bila dia beriman, jika dia jatuh basikal pun dapat pahala. Sebab Allah beri sedikit ujian kesusahan kepada dia.

(Sumber: Ceramah 2, Data 80)

Reaksi audiens : ketawa
Maksud ujaran : Walaupun seseorang itu berperwatakan yang teruk dari aspek zahir, rambutnya stail mencacak seperti artis rock, jika dia beriman kepada Allah dia akan mendapat pahala sekiranya dia ditimpa musibah.
Implikatur : Mengajak beriman kepada Allah.

Dalam ujaran tersebut, Penceramah tidak menggunakan ayat dalam bentuk ayat seru, namun dengan contoh yang dibawa, audiens memahami apa yang ingin dinyatakan oleh penceramah iaitu mengajak audiens beriman kepada Allah sepenuh hati. Implikatur dalam ceramah amat memberi kesan kepada audiens. Hal ini demikian kerana manusia lebih mudah memahami sesuatu yang mempunyai tarikan dan cabaran kepadanya untuk mendengar

daripada secara terus terang (klise) tanpa memberi cabaran minda kepadanya untuk berfikir. Di sini pengkaji akan menjelaskan dua kesan kepada audiens dalam penggunaan implikatur untuk menjelaskan akidah:

Memahami Sesuatu Yang Abstrak

Implikatur bukan sahaja mampu untuk menjadikan sesuatu ceramah itu penuh dengan keceriaan hasil daripada gaya implikatur seperti kecindan, sinis, hiperbola dan sebagainya yang diolah oleh penceramah, bahkan implikatur mampu memberi kefahaman optimum sesuatu ilmu yang hendak dijelaskan dari hati penceramah itu sampai kepada hati audiens terutamanya yang berkaitan dengan akidah. Memahami isu yang berkaitan dengan akidah memerlukan pnaakulan yang tinggi daripada pendengar. Hal ini perlu diberi perhatian oleh penceramah, kerana kefahaman audiens bergantung pada kejelasan isu yang dihuraikan oleh penceramah. Dalam aspek implikatur, sekiranya penceramah tidak mampu memberi atau membawa implikatur yang baik ia boleh menjejaskan kefahaman audiens terhadap sesuatu isu tersebut. Hal ini boleh membawa kepada terpesongnya akidah dan boleh memberi pelbagai fahaman lain sehingga boleh menjejaskan pegangan akidah mereka, sebagai contoh ujaran berikut:

..maka setiap orang beriman istimewa di sisi Allah SWT, sekalipun dia seorang yang fasik, sekalipun dia mengerjakan dosa, kerana yang paling mahal di sisi Allah ialah iman..

(Sumber: Ceramah 2.Data 81)

Dalam ujaran ini penceramah ingin menjelaskan konsep iman yang perlu ada seratus peratus dalam diri setiap orang Islam, selagi mana tidak syirik kepada Allah dan tidak ragu-ragu tentang kewujudan Allah maka mereka akan mendapat rahmat Allah. Implikatur di sini adalah bertujuan untuk mengajak audiens beriman dengan Allah, namun dalam ujaran ini terdapat dua perkara yang boleh merosakkan iman jika tidak difahami dengan betul implikatur yang dibawa oleh penceramah iaitu “sekalipun dia seorang yang fasik” dan “sekalipun dia mengerjakan dosa”.

Dalam konteks ujaran ini penceramah menggunakan perkataan “fasik” dan “dosa” adalah untuk memperkuat fahaman audiens terhadap kepentingan beriman kepada Allah, ini menunjukkan soal beriman kepada Allah adalah mandatori dan tidak boleh dipandang ringan. “fasik” dan “dosa” adalah dua perkara yang perlu dijauhi dalam Islam dan merupakan konteks yang sudah diketahui umum oleh audiens, namun begitu penceramah menggunakan kalimah tersebut supaya menampakkan nilai iman itu lebih penting dari segala-galanya.

Perbandingan “fasik” dan “dosa” yang dibawa oleh penceramah bukannya bertujuan untuk membenar atau meringankan perbuatan tersebut, tetapi untuk menguatkan kefahaman audiens terhadap kepentingan beriman kepada Allah. Sekiranya audiens tidak memahami konteks dan hanya berpegang kepada makna literal tentang maksud dosa dan fasik itu, maka mereka akan memahami bahawa perkara itu adalah ringan di sisi agama.

Melaksanakan Kewajipan Kepada Allah

Peranan implikatur selain daripada menjelaskan sesuatu yang abstrak dan sukar untuk difahami iaitu yang berkaitan dengan dosa, pahala, hari akhirat dan semua perkara yang berkaitan dengan sam’iyyat ia juga mampu bertindak sebagai menjelaskan perkara yang wajib dilaksanakan oleh setiap individu Islam atau tanggung jawab sebagai seorang Islam. Bertolak daripada kefahaman tersebut, maka ia akan membawa kepada implikatur dalam melaksanakan tanggung jawab terhadap tuhaninya iaitu Allah. Implikatur yang membawa fahaman kepada kewajiban melaksanakan tanggung jawab kepada Allah adalah seperti dalam data berikut:

..kalau kita tidak ada amal maka gelaplah kubur kita, walaupun masa kita hidup kita ini CEO TNB Malaysia berhad, faham tak? Apatah lagi kalau office boy..

(Ceramah 2.Data 169)

Dalam ujaran pada data di atas tidak ada ayat yang menyeru audiens supaya melaksanakan ibadah kepada Allah. Dalam ujaran tersebut penceramah menggunakan ayat penyata yang menjelaskan keadaan yang akan berlaku di dalam kubur iaitu ‘gelap’ sekiranya seseorang itu tidak mempunyai amal semasa hidupnya di dunia. Mengikuti penceramah lagi situasi ini akan berlaku kepada semua manusia tidak kira siapa mereka, walaupun semasa hidupnya dia adalah seorang Pengarah Urusan kepada syarikat yang mengendalikan elektrik (merujuk kepada gelap), ataupun orang biasa yang tiada pangkat seperti office boy, semuanya akan mengalami situasi yang sama.

Ujaran ini adalah untuk memberi pengertian yang jelas kepada audiens tentang Maksud sebenar implikatur yang dibawa oleh penceramah iaitu menyeru audiens supaya melaksanakan amal ibadah kepada Allah. Menurut Nor Hashimah (2007) Implikatur dalam sesuatu ujaran dapat dikenal pasti dengan mudah apabila pendengar bijak membuat andaian implikatur dan kesimpulan implikatur berdasarkan konteks tertentu semasa berlakunya komunikasi. Oleh itu, si pendengar tidak boleh mentafsir secara literal (cuba memahami secara ujaran luaran sahaja) semasa berlakunya komunikasi. Pentafsiran secara literal akan menyebabkan maksud sebenar komunikasi antara kedua pihak terputus dan tidak berjalan lancar. Dalam ujaran tersebut penceramah telah menyedarkan audiens tentang kepentingan melakukan amal ibadah semasa hidup di dunia sebagai bekalan di alam barzakh, amalan yang dilakukan semasa di dunia akan membantu seseorang itu sebagai penerang (cahaya) kepada kegelapan berada dalam kubur. Pengukuran implikatur dalam ujaran tersebut dapat dilihat berdasarkan andaian implikatur (AI) dan kesimpulan implikatur (KI) di bawah:

- AI: Setiap orang Islam wajib melaksanakan tanggung jawab kepada Allah dengan melakukan setiap amal ibadah yang difardukan ke atasnya. Kewajiban ini tidak terkecuali kepada sesiapa pun sama ada orang yang berpangkat atau pun orang biasa.
- KI: Kebahagiaan hidup di akhirat bergantung pada amalan baik semasa hidup di dunia.

Berdasarkan kepada implikatur yang dibawa oleh penceramah dalam ujaran di atas telah memberi penjelasan dan kefahaman kepada audiens supaya melaksanakan kewajipan terhadap Allah semasa hidupnya di dunia.

5. Kesimpulan

Implikatur penjelasan akidah dalam ceramah agama merupakan pemangkin kepada usaha untuk memantapkan kepercayaan audiens kepada penciptanya serta dapat menarik audiens memahami dan menghayati ajaran Islam yang sebenar terutamanya yang berkaitan dengan akidah, iaitu perkara yang sukar untuk diperjelaskan kepada audiens secara literal. Penggunaan implikatur yang menepati konteks akan menghasilkan kefahaman yang jelas terutamanya dalam hal yang berkaitan dengan kepercayaan dan keimanan kepada Allah. Penceramah dan pendakwah perlu menguasai ilmu implikatur perbualan untuk memantapkan penyampaian ceramahnya kerana kemahiran dalam mengolah implikatur dalam hal yang berkaitan dengan akidah akan dapat menarik audiens mendekati diri dengan Allah seterusnya matlamat berdakwah dan menyampaikan ilmu akidah akan tercapai.

Rujukan

- Abdullah Hassan dan Ainon Mohd, (2003). *Teori dan Teknik Ucapan Berpengaruh*. Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd. Kuala Lumpur.
- Asmah Haji Omar, 1987. *The National Language and Communication in Multilingual societies*. (ed.) Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka dan Kementerian Pendidikan Malaysia
- Asmah H j. Omar. (1995). "Indirectness As A Rule of Speaking Among The Malays", *The Rule of Speaking* , Malaysia: Pelanduk Publications.
- Asmah Hj. Omar. (2008). *Kaedah Penyelidikan Bahasa di Lapangan* (edisi kedua). Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Azhar M. Simin. (1993). *Prinsip Pragmatik*. (terjemahan) Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Brown, Gillian dan George Yule. (1996). *Analisis Wacana* (edisi terjemahan oleh I. Soetikno). Jakarta: PT Gramedia Pustaka Utama
- Carston, R. (1998). *Saying and Implicating*. Stensilan. United Kindom: University of London.
- Farsiah Marsali. (1998). *Implikatur dalam Nyanyian Rakyat Masyarakat Melayu Sarawak*. Tesis Sarjana: Universiti Malaya.
- Fatimah binti Subet. (2010). *Interpretasi Makna Bahasa Figuratif Sebagai Cerminan Emosi: Satu Analisis Teori Relevans*. Tesis PhD. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Grice H.P. (1975). "Logic and Conversation" , dalam *Syntax and Semantic*, Vol. 3 : *Speech Acts*, USA Acedamic Press.
- Gary T. Hunt, (1990). *Perucapan Umum*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia, Kuala Lumpur,
- Hasmidar Hassan. (2011). *Kata Hubung Dan dan Tetapi Dari Sudut Pragmatik*: Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hunt, Gary T. (1992). *Perucapan Umum (Public speaking)*. Diterjemahkan oleh Asiah Sarji dan MohdNordinSarji. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Hussin Sarif. (2010). *Keimplisitan Ujaran Dalam Hikayat Hang Tuah Dari Sudut Pragmatik*. Tesis PhD. UPM. Serdang.
- Levinson. (1983). *Pragmatics*. New York: Cambridge University Press.
- Maimunah bte Ibrahim. (1999). *Implikatur dalam Iklan*, Disertasi sarjana. Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya.
- Maslinda Yusof. 1999. *Makna Bahasa Literal: Kes Metafora ke Hiperbola*. *Jurnal Dewan Bahasa dan Pustaka*, Jan 1999, 4-10.
- Mustafa Atan. (2010). *Implikatur Dalam Ujaran Watak dalam Filem Seniman Agung Tan Sri P.Ramlee*. Tesis PhD : Universiti Putra Malaysia, Serdang.
- Nor HashimahHj. Jalaluddin. (1992). *Semantik dan Pragmatik: satu Pengenalan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Nor Hashimah Hj. Jalaluddin. (1993). *Bahasa Dalam Perniagaan, Satu Analisis Semantik dan Pragmatik* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sulaiman Samsuri. (2004). *Research Methods for the Social Sciences made simple*, DSS Publishing Enterprise, Klang,
- Saripah Nur Mursalina Syed Azmy. (2002). *Implikatur Dalam Filem Puteri Gunung Ledang: Analisis Bentuk dan Makna*, Tesis Sarjana. Universiti Malaya.
- Sidek Mohd Noah. (2002). *Reka Bentuk Penyelidikan, Falsafah, Teori dan Praktis*. Serdang: Universiti Putra Malaysia
- Wiryoatoyo Mujiyono. (1996). *Implikatur Percakapan Anak Usia Sekolah Dasar*. Disertasi FPS. IKIP Malang.
- Zaitul Azma Zainon Hamzah, "Bahasa, Konteks dan Pemikiran Kanak-Kanak: Satu Analisis Pragmatik". Dlm. *Jurnal Bahasa*, Jun 2005. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zaitul Azma Zainon Hamzah. (2006). *Memahami Pertuturan Kanak-kanak Melalui Analisis Pragmatik*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Zulkifley Hamid. (1991). *Pentafsiran Makna Pragmatik Sebagai Kaedah yang Lengkap*. *Jurnal Dewan Bahasa dan Pustaka*, 35 (7)570-575.